



**MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN 2023**  
**PERSATUAN PENDUDUK RINI HILLS 2**  
**MINIT MESYUARAT**

Tarikh: **28/10/2023**

Masa: **8:30 malam**

Tempat: **Pusat Komuniti RH2 & Atas Talian Melalui Aplikasi Webex Meeting**

Kehadiran: **AJK & Ahli-ahli, Persatuan Penduduk Rini Hills 2, Mutiara Rini, Skudai**

Senarai Ahli Jawatankuasa:

No	Nama	Jawatan	Kehadiran
1	Dr. Mohd Syihan bin Khalid	Pengerusi	/
2	Leong Man Soon	Timbalan Pengerusi	/
3	Mohamad Zaki bin Mohamad Roslani	Bendahari	/
4	Oh Guan Teck	Pen. Bendahari	/
5	Omar bin Jusoh	Setiausaha	/
6	Mohd Hisham bin Mohd Noor	AJK – Ketua Jasa 29	/
7	Zahidi bin Yusof	AJK – Ketua Jasa 30	/
8	Mustafa bin Muhamad	AJK – Ketua Jasa 31	/
9	Dr. Zair Asrar bin Ahmad	AJK - Ketua Jasa 32	/
10	Mohd Tarmidi bin Samat	AJK – Ketua Jasa 33	/
11	Angie Ng Koi Eng	AJK – Ketua Jasa 34	/
12	Chin Terk Chin	AJK - Ketua Jasa 35	/
13	Ahmad Faizal bin Hashim	AJK - ICT	/
14	Kent Wong She Kin	AJK - Keselamatan	X
15	Mohd Nazib bin Masri	AJK – Kejiranian & Keindahan	/
16	Goh Lee Lian	AJK - Kebajikan	/
17	Bavanei A/P Palanyveloo	AJK - Perpaduan	/

Kehadiran keseluruhan ahli secara fizikal dan melalui Aplikasi Webex:

1	Jalan Jasa 29	9 Ahli
2	Jalan Jasa 30	13 Ahli
3	Jalan Jasa 31	13 Ahli
4	Jalan Jasa 32	9 Ahli
5	Jalan Jasa 33	11 Ahli
6	Jalan Jasa 34	12 Ahli
7	Jalan Jasa 35	9 Ahli
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>76 Ahli</b>

Wakil Vendor Kawalan Keselamatan:

1	Mr Elan (Security Officer)	Magnus Force Sdn Bhd
---	----------------------------	----------------------

Bil	Butiran Mesyuarat	Tindakan/ Makluman
1.	<p><b>Ucapan Aluan Pengerusi Persatuan Penduduk Rini Hills 2 (PPRH2)</b></p> <p>1.1 <b>Pengerusi PPRH2 - Dr Mohd Syihan Khalid</b> mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua ahli yang menghadiri <b>Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persatuan Penduduk Rini Hills 2 (PPRH2) bagi tahun 2023 (BGM2023)</b>.</p> <p>1.2 Bermula tahun 2023 dan berikutnya, Mesyuarat Agung PPRH2 akan diadakan secara Dwi-tahunan, selepas dipersejui oleh ahli dalam AGM2021 dan telah diluluskan oleh ROS pada Januari 2022.</p> <p>1.3 Berdasarkan penyertaan secara atas talian yang menggalakkan pada AGM2021, AJK telah mencadangkan BGM2023 dijalankan secara hybrid, dimana ahli-ahli boleh mengadiri Mesyuarat Agung secara fizikal ataupun secara <i>online</i>, menerusi aplikasi Webex Meetings.</p> <p>1.4 Sebagaimana AGM2021, setiap ahli yang hadir pada BGM2023 akan diberikan penghargaan di atas sokongan dalam bentuk Kupon KFC bernilai RM30 setiap ahli (1 kupon 1 rumah).</p> <p>1.5 Pengerusi mencadangkan minit AGM2021 disemak dan disahkan, sekiranya tiada apa-apa perubahan. <b>Mr Segar - Jasa 30</b> menyokong minit AGM2021 disahkan tanpa perubahan.</p> <p>1.6 Agenda bagi BGM2023 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembentangan Penyata Kewangan Persatuan bagi Tahun Kewangan 2021 dan 2022.</li> <li>ii. Pembubaran barisan AJK 2021-2023 dan Pemilihan AJK baru bagi penggal 2023-2025.</li> <li>iii. Pembentangan usul-usul daripada ahli-ahli.</li> <li>iv. Perkara berbangkit.</li> <li>v. Penangguhan Mesyuarat</li> </ul>	Aluan  Makluman  Makluman  Semua  Makluman  Makluman
2.	<p><b>Pembentangan Penyata Kewangan Tahun 2021 dan 2022.</b></p> <p>2.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Penyata Kewangan PPRH2 bagi tahun Kewangan 2021 dan 2022 telah disediakan oleh <b>Penolong Bendahari - En Zaki bin Roslani</b> dan diaudit oleh Juruaudit Dalaman yang dilantik:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>En Sazali bin Sabtu - Juruaudit</b></li> </ol> <p>2.2 <b>En Zaki</b> telah membentangkan Penyata Kewangan PPRH2 bagi Tahun Kewangan 2021 dan 2022 sebagaimana paparan diskrin kepada ahli-ahli. Penyata Kewangan ini telahpun disahkan oleh <b>Bendahari - Mr Oh Guan Tek</b>. <b>En Zaki</b> memaklumkan keadaan kewangan PPRH2 pada tahun kewangan 2021 dan 2022 masih berkeadaan baik. Namun begitu, pendapatan bagi tahun 2022 telah sedikit merosot, menurun daripada RM486 ribu kepada RM472 ribu, berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh pemberian insentif dua (2) bulan bayaran percuma kepada kesemua ahli pada 2022 bagi mengurangkan beban kewangan selepas Pandemik Covid-19 dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.</p> <p>2.3 <b>En Zaki</b> turut menjelaskan, trend merosot ini akan berterusan bagi tahun-tahun mendatang disebabkan perbelanjaan defisit Persatuan. Komitmen tetap bulanan Persatuan adalah sebanyak <b>RM46 ribu</b>, manakala pendapatan bulanan sekitar <b>RM43 ribu</b>. Berdasarkan keadaan ini, En Zaki menyarankan suatu tindakan harus diambil bagi mengatasi masalah ini. Pengerusi mencadangkan perkara ni dibincangkan dengan lebih terperinci selepas AJK bagi penggal 2023-2025 dilantik. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut.</p>	Makluman  Makluman  Semua

	<p>2.4 En Abdul Latheef - Jasa 34, mendapati Penyata Kewangan 2021 dan 2022 PPRH2 yang dibentangkan dalam keadaan baik dan teratur. Beliau mencadangkan agar ianya disahkan. Cadangan ini disokong En Aizat - Jasa 31.</p>	Semua
3	<p><b>Pembubaran Ahli Jawatankuasa (AJK) Penggal 2021-2023 dan Perlantikan AJK Baru bagi Penggal 2023-2025.</b></p> <p>3.1 Bagi memenuhi <b>Perkara 1- Fasal 8 Jawatankuasa</b>, Pengerusi telah <b>membubarkan</b> AJK 2021-2023. Bagi memudahkan urusan pengundian, ahli-ahli mesyuarat bersetuju mengekalkan Pengerusi, <b>Dr Syihan sebagai Pengerusi Sementara</b>.</p> <p>3.2 En Abdul Latheef - Jasa 34, mencadangkan Pengerusi dan kesemua AJK 2021-2023 dikekalkan sekali lagi bagi penggal 2021-2023. Namun ada cadangan dari ahli-ahli mesyuarat agar Jawatan Bendahari dan Penolong Bendahari diubah, di mana <b>En Zaki dilantik sebagai Bendahari</b> manakala <b>Mr Oh Guan Tek</b> bertukar menjadi <b>Penolong Bendahari</b>. Pertukaran ini bagi melancarkan lagi urusan pentadbiran kewangan PPRH2. Cadangan tersebut disokong oleh <b>En Aizat - Jasa 31</b> dan diterima sebulat suara oleh ahli-ahli Mesyuarat Agung. Perubahan ini akan berkuatkuasa serta-merta. Namun bagi mengelakkan masalah pembayaran melalui cek, <b>Mr Oh akan terus menjadi salah seorang penandatangan cek PPRH2 dalam tempoh peralihan (grace period) sehingga 30 Nov 2023.</b></p> <p>3.3 Pertukaran jawatan Bendahari akan melibatkan perubahan dalam urusan tandatangan cek bagi pihak PPPRH2. Satu Resolusi baru dan lain-lain dokumen berkaitan akan dikemukakan kepada Public Bank Berhad, Cawangan Ungku Tun Aminah dengan segera bagi mengelakkan timbulnya masalah pembayaran yang akan dibuat kepada vendor-vendor PPRH2 selepas BGM2023.</p> <p>3.4 Pengerusi menerangkan jumlah AJK yang didaftarkan dalam Registry of Society (ROS) adalah 10 jawatan. <b>PPRH2 akan menambah jumlah jawatan yang didaftarkan menjadi 17 jawatan bagi melancarkan perjalanan pentadbiran Persatuan, dan akan dimuat-naik ke dalam portal eROS</b>, segera. AJK yang dilantik akan mempunyai hak mengundi yang sama rata dalam Mesyuarat AJK yang bakal diadakan, minima empat (4) kali setahun.</p> <p>3.5 Senarai <b>Ahli Jawatan Kuasa PPRH2 bagi penggal 2023-2025</b> dan rombakan jawatan/biro yang dipersetujui BGM2023 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Pengerusi: <b>Dr. Mohd Syihan bin Khalid</b></li> <li>2. Timbalan Pengerusi: <b>Leong Man Soon</b></li> <li>3. Bendahari: <b>Mohamad Zaki bin Mohamad Roslani</b></li> <li>4. Timbalan Bendahari: <b>Oh Guan Tek</b></li> <li>5. Setiausaha: <b>Omar bin Jusoh</b></li> <li>6. AJK – Ketua Jasa 29: <b>Mohd Hisham bin Mohd Noor</b></li> <li>7. AJK – Ketua Jasa 30: <b>Zahidi bin Yusof</b></li> <li>8. AJK – Ketua Jasa 31: <b>Mustafa bin Muhamad</b></li> <li>9. AJK – Ketua Jasa 32: <b>Dr. Zair Asrar bin Ahmad</b></li> <li>10. AJK – Ketua Jasa 33: <b>Mohd Tarmidi bin Samat</b></li> <li>11. AJK – Ketua Jasa 34: <b>Angie Ng Koi Eng</b></li> <li>12. AJK – Ketua Jasa 35: <b>Terry Chin Terk Chin</b></li> <li>13. AJK – ICT: <b>Ahmad Faizal bin Hashim</b></li> <li>14. AJK – Keselamatan: <b>Kent Wong She Kin</b></li> <li>15. AJK – Kejiranan &amp; Kebersihan: <b>Mohd Nazib bin Masri</b></li> <li>16. AJK – Kebajikan: <b>Goh Lee Lian</b></li> <li>17. AJK – Perpaduan: <b>Bavanei A/P Palanyveloo</b></li> </ul>	<p>Semua</p> <p>Semua</p> <p>AJK</p> <p>AJK</p> <p>Semua</p>

4.	<p><b>Usul-usul Berkaitan Hal Keselamatan</b></p> <p>4.1 Isu kenderaan dipandu laju dan penambahan bonggol (<i>speed hump</i>) diutarakan oleh <b>Mr Saw - Jasa 30, En Shahidan - Jasa 33 &amp; En Shuib - Jasa 33</b>. AJK memaklumkan hal ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan kejuruteraan MBIP, dimana <i>speed hump</i> tidak boleh dibina tanpa kelulusan. AJK akan berunding dengan MBIP bagi mengatasi masalah ini.</p> <p>4.2 Usul berkaitan hadangan pandangan di simpang jalan dibawa oleh <b>Mr Felix - Jasa 34, Mr Ng - Jasa 34 &amp; En Shuib - Jasa 30</b>. Mereka mendakwa tanaman pokok oleh penduduk yang terlalu hampir dengan jalan dan kenderaan yang diparkir sembarangan punca kepada masalah tersebut agar dapat diatasi segera. Pihak AJK akan mengarahkan kontraktor landskap/kebersihan agar dahan pokok yang menghadang pandangan di simpang jalan, segera dicantas atau pokok terus ditebang sekira perlu. PK diarahkan memberitahu pemilik-pemilik kenderaan yang terlibat, agar tidak memakir kenderaan menghadang pandangan.</p> <p>4.3 Tambahan pemasangan unit CCTV terutama kawasan laluan utama dan Kawasan yang belum diliputi kamera bagi meningkatkan kawasan pemantauan diusulkan oleh <b>En Qhairul - Jasa 30, En Naqiuddin - Jasa 31 &amp; En Rahizad - Jasa 31</b>. Pengerusi menjelaskan, pemasangan CCTV Fasa 1 bernilai kira-kira RM 60 ribu, yang melibatkan 18 unit kamera di lokasi-lokasi strategik telah siap dipasang. Perancangan projek pemasangan CCTV seterusnya yang bergantung kepada kemampuan kewangan Persatuan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Fasa 2 (18 kamera) - Kawasan-kawasan strategik yang lain.</li> <li>b. Fasa 3 - Lorong-lorong belakang rumah Penduduk.</li> </ul> <p>4.4 <b>Ms Toh - Jasa 34, En Haifezal - Jasa 30, En Anwar Asyraf - Jasa 33 &amp; Ms Mui Chin - Jasa 32</b> mengutarakan hal prestasi Pengawal Keselamatan (PK). Mereka sarankan agar PK lebih pro-aktif semasa rondaan dan lebih menggunakan <i>common sense</i> apabila berurusan di Pondok Pengawal. AJK memaklumkan, pihak Magnus Force Sdn Bhd (MFSB) telah menguatkuasakan SOP yang dipersetujui, sepertimana disediakan oleh PPRH2. AJK akan berbincang lanjut dengan MFSB bagi penambahbaikan SOP.</p>	Semua  Semua  Semua
5.	<p><b>Usul-Usul Berkaitan Hal Kebersihan dan Keindahan Kejiran Rini Hills 2</b></p> <p>5.1 <b>Pn Norhayanti - Jasa 29, Pn Ros Haslinda - Jasa 32, Mr Tey Kian Soon - Jasa 30 &amp; En Ahmad Fahrie - Jasa 34</b> membangkitkan hal rumput di hadapan rumah dan pokok tepi jalan yang tidak diselia secara berkala. AJK menjelaskan kerja-kerja memotong rumput dan cantas dahan pokok selain kawasan Taman Permainan dibawah seliaan kontraktor SWM. Sebarang isu harus dilaporkan terus kepada SWM Corp. Bagi Taman Permainan RH2, ia diselia oleh kontraktor dilantik PPRH2 – kerana masih belum diserahkan Pemaju kepada MBIP.</p> <p>5.2 <b>En Rahizad - Jasa 31 &amp; Mr Lee Soon Teck - Jasa 34</b> meminta kerja pembersihan dipertingkatkan kerana terdapat sampah terbiar di tepi Pencawang TNB. <b>Mr. Kee Teik Chin - Jasa 31</b> mencadangkan diadakan gotong-royong di kalangan penduduk RH2. AJK ambil maklum atas semua makluman dan cadangan dan akan diatasi segera.</p>	Semua  Semua

	<p>5.3 <b>En Ahmad Fairuz - Jasa 29 &amp; En Anwar Ashraf - Jasa 33</b>, mengutarakan hal pintu masuk utama ke RH2 di mana keadaan Pondok Pengawal kelihatan lusuh dan agak kurang terjaga. Mereka mencadangkan agar ianya dapat dibaik-pulih dan dicat semula. Pengerusi memaklumkan, kerja-kerja baik-pulih Pondok Pengawal akan dijalankan dalam masa terdekat.</p> <p>5.4 Isu berkaitan haiwan peliharaan disentuh oleh <b>En Ridhwan - Jasa 32 &amp; En Haifezal - Jasa 31</b>. Mereka meminta pemilik binatang peliharaan agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh MBIP agar tiada binatang peliharaan dibawa bersama ke Taman Permainan. AJK memaklumkan peraturan penggunaan Taman Permainan memang telah disediakan oleh MBIP. Pihak pengawal keselamatan akan diberitahu berkaitan ini untuk tindakan mereka.</p> <p>5.5 <b>En Ahmad Fahrie - Jasa 34</b> mencadangkan agar disediakan tong-tong kitar semula bagi kemudahan Penduduk RH2. AJK ambil maklum perkara tersebut, namun perbincangan lanjut dgn pihak SWM atau mana-mana badan yang dapat memungut bahan kitar semula tersebut secara berkala bagi mengelakkan terbiar dan akibatkan masalah lain pula.</p> <p>5.6 <b>Pn Dewi Yanti - Jasa 31</b> melahirkan kebimbangan terhadap pokok-pokok buahan jenis besar seperti durian dan lain-lain yang ditanam Penduduk di kawasan awam akan menjadi masalah sekiranya tidak dijaga dengan sempurna. AJK ambil maklum perkara tersebut, perbincangan dengan pihak berwajib terhadap perkara tersebut akan dibuat. Langkah-langkah perlu akan diambil selepas itu.</p>	Semua
6	<p><b>Usul Berkaitan Kemudahan Awam</b></p> <p>6.1 <b>Mr Tey Kian Soon - Jasa 30</b>, mencadangkan agar gelanggang bola keranjang dibina bumbung, manakala <b>Mr Kent Wong - Jasa 33</b> meminta permukaan gelanggang diperbaiki. AJK memaklumkan kerja pembinaan struktur di atas gelanggang memerlukan belanjawan yang besar serta melibatkan kelulusan pihak MBIP.</p> <p>6.2 <b>Mr Goh Chai Siah - Jasa 31, Lee Ee Gong - Jasa 34 &amp; Mr Kua Chui Ting</b> mencadangkan komponen permainan kanak-kanak dan permukaan EPDM diperbaiki. Perkara ini telah banyak kali diusulkan kepada AJK dalam AGM yang lalu. Perkara ini adalah sepatutnya bidang kuasa Jabatan Lanskap MBIP kerana ianya mempunyai spesifikasi tertentu. AJK akan dapatkan pandangan pihak MBIP untuk tindakan selanjutnya.</p>	Semua
7	<p><b>Perkara-perkara Berbangkit</b></p> <p>7.1 Seperti dibentangkan oleh Timbalan Bendahari, PPRH2 beroperasi dalam keadaan defisit setiap bulan, AJK mencadangkan yuran bulanan bagi setiap ahli dinaikkan daripada RM80 kepada RM90 bermula Januari 2025, bagi kelestarian (sustainability) kewangan PPRH2 pada jangka panjang. Memandangkan perkara ini melibatkan pindaan perlembagaan, persetujuan majoriti ahli adalah diperlukan. AJK mencadangkan undian dibuat dan dipersetujui semua.</p> <p>7.2 Keputusan undian adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bersetuju: <b>12 orang</b></li> <li>b. Tidak bersetuju: <b>49 orang</b></li> <li>c. Berkecuali/tidak mengundi: <b>15 orang</b></li> </ul>	Semua

	<p>7.3 Berdasarkan undian, yuran bulanan sediada dikenakan dan sekiranya ada keperluan untuk perubahan pada masa depan, ianya akan dibincangkan dan diperhalusi semula.</p> <p>7.4 Bagi mengatasi belanjawan defisit, AJK mencadangkan agar tindakan drastik diambil bagi mengurangkan perbelanjaan bulanan. Antara cadangan yang diutarakan, adalah menghadkan sambutan perayaan-perayaan (Aidilfitri, Tahun Baru Cina &amp; Deepavali) yang menelan belanja RM30 ribu setiap satu. Sebaliknya, AJK mencadangkan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Sambutan perayaan berasaskan bangsa tiga kali setahun digantikan dengan sambutan perayaan <b>satu (1) kali setahun</b>.</li> <li>b. Sambutan perayaan yang lebih inklusif seperti <b>Hari Kemerdekaan/Hari Malaysia</b> yang lebih bersifat berbilang bangsa dan dapat memupuk perpaduan dan cintakan negara.</li> <li>c. Belajawan yang ditetapkan antara <b>RM40-50 ribu sahaja</b> bergantung keperluan bagi penjimatan perbelanjaan.</li> </ul> <p>7.5 Setelah diberi penjelasan, <b><u>cadangan tersebut telah disokong sebulat suara oleh ahli-ahli Mesyuarat.</u></b></p>	Semua Semua Semua
7	<p><b>Penangguhan mesyuarat</b> Pengerusi mencadangkan agar BGM2023 ditangguhkan dan disokong oleh ahli-ahli mesyuarat. AGM2023 ditangguhkan pada pukul 11:45 malam. BGM seterusnya akan diadakan pada 2025 dan akan dimaklumkan bila tiba masanya kelak.</p>	Semua

Disediakan oleh:



(OMAR BIN JUSOH)

Setiausaha

Persatuan Penduduk Rini Hills 2

Disahkan oleh:



(DR MOHD SYIHAN BIN KHALID)

Pengerusi

Persatuan Penduduk Rini Hills 2